

04 MAR 2003

Abdullah-Musa (Reaksi)

ABDULLAH HARAP KERJASAMA PENUH DIBERI KEPADA KETUA MENTERI BARU

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap semua pemimpin Barisan Nasional di Sabah terutama daripada Umno memberikan kerjasama yang baik kepada Datuk Musa Aman, bakal Ketua Menteri Sabah yang baru.

Timbalan Perdana Menteri berkata Umno Sabah adalah sebuah parti yang terbukti kuat menerusi kejayaan besarnya pada pilihan raya umum sebelum ini.

"Saya harap dengan pelantikan ini, Umno di Sabah dan Barisan Nasional mesti beri sokongan pada beliau," katanya pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang hari ini, selepas mengucapkan selamat jalan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menghadiri mesyuarat tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar.

Perdana Menteri sebelum berlepas mengumumkan kepada media bahawa Musa dilantik menggantikan Chong Kah Kiat yang akan tamat tempoh perkhidmatannya di bawah sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah pada 27 Mac ini.

Sementara itu, merujuk kepada tugasnya sebagai Pemangku Perdana Menteri selama dua bulan mulai Khamis ini, sepanjang percutian Dr Mahathir, Abdullah berharap beliau dapat melaksanakan tugas-tugas itu dengan baik.

"Buat kerja macam biasalah, kerja pun banyak. Kerja-kerja PM pun mesti saya laksanakanlah," katanya.

Dr Mahathir akan bercuti rehat mulai Khamis hingga 4 Mei dan semasa percutiannya, Abdullah akan memangku jawatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Sementara itu beberapa pemimpin parti komponen BN yang dihubungi Bernama, mengucapkan tahniah kepada Musa.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata pengumuman itu akan menstabilkan suasana politik di Sabah dan menamatkan spekulasi mengenai siapa bakal menjadi ketua menteri Sabah yang baru.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada beliau dan saya berharap beliau akan meneruskan kerja dengan cemerlang dalam semangat perjuangan Barisan Nasional," katanya.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata beliau gembira mendengar berita Musa dinamakan bakal Ketua Menteri Sabah dan berharap kemajuan lebih besar dicapai sepanjang tempoh perkhidmatannya.

"Beliau (Musa) merupakan seorang yang banyak pengalaman dan kita berharap beliau akan terus memelihara hubungan baik antara Sabah dan negeri-negeri lain.

"Kita juga berharap lebih banyak projek infrastruktur dilaksanakan untuk rakyat Sabah," katanya.

-- BERNAMA

AZH AT KHY RON